

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

HSA 101 Pengantar Sejarah

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. "Tacitus adalah seorang penulis yang agung, tetapi kaedahnya langsung tidak saintifik. Beliau memang mempunyai idea, malangnya idea itu adalah idea seorang warga Republik Rom dan bukan idea ahli sejarah". (Carl L. Becker).

Bincangkan.

2. Pendekatan yang rasional, kaedah dan perbahasan yang analitikal dan terperinci menjadikan Ibn Khaldun berbeza daripada golongan ahli sejarah tradisi.

Bincangkan.

3. Menurut Abdul Rahman Hj. Ismail, Tun Sri Lanang nyata telah berjaya menyeimbangkan antara keperluan menyukakan duli hadrat baginda di satu pihak dan bersikap jujur di satu pihak yang lain.

Bincangkan.

4. "Ranke telah berjaya menjadikan pengkajian sejarah sebagai satu bidang ilmu yang saintifik" (Leonard Krieger).

Bincangkan.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. Bagi R.G. Collingwood, sejarah mencakupi bukan sahaja politik, peperangan dan ekonomi bahkan pula akhlak, agama dan seni.

Jelaskan penakrifan Collingwood tentang sejarah. Sejauh manakah anda setuju dengan penakrifan itu?

6. "Kepercayaan bahawa wujudnya fakta sejarah yang objektif, yang wujud secara tersendiri dan bebas daripada interpretasi ahli sejarah adalah karut" (E.H. Carr).

Bincangkan.

7. Menurut Butterfield ahli sejarah haruslah mengelakkan diri daripada pengadilan moral kerana ia adalah satu tugas yang agak rumit.

Setujukah anda?

8. Interpretasi yang berbeza-beza adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan dalam kajian sejarah.

Apakah ini bererti sejarah tidak bersifat objektif?

-oooO00ooo-